

PENGURUSAN *KEY PERFORMANCE INDICATORS* (KPI)

KURIKULUM KURSUS PENGENDALIAN *KEY PERFORMANCE INDICATORS* BAGI PEGAWAI KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL GRED 41- 54

1. SINOPSIS KURSUS

Secara umumnya kursus ini adalah untuk memberikan pengetahuan dan pemahaman yang lebih mendalam kepada anggota jabatan mengenai kepentingan KPI kepada diri dan organisasi serta untuk menyediakan pegawai-pegawai awam bagi memenuhi hasrat negara untuk memberi perkhidmatan bertaraf dunia.

2. OBJEKTIF KURSUS

- i. Boleh memilih, membina dan membentuk KPI yang sesuai dengan Visi, Misi dan Objektif organisasi serta menentukan tahap pengukuran prestasi;
- ii. Memahami prinsip-prinsip pengukuran prestasi; dan
- iii. Boleh menyedia dan menetapkan sasaran prestasi diri.

3. TEMPOH/MASA

- i. Tempoh : tiga (3) hari
- ii. Masa : 8.00 pg hingga 5.00 ptg

4. KUMPULAN SASARAN

Pegawai Gred 41- 54

5. METODOLOGI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

- i. Kuliah dan amali; dan

- ii. Penilaian yang dijalankan seperti penilaian tugas, kuiz, pembentangan dan pemerhatian dalam kumpulan, pembelajaran berasaskan masalah (*problem base learning*).